

Siswa UPM cipta dron untuk pertanian

» Agrone boleh cerap pertumbuhan, siram baja, racun rumpai

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Rekaan futuristik abad ke-21 hasil cetusan 29 siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar sejarah apabila berjaya menarik perhatian beberapa syarikat tempatan untuk dikomersialkan.

Berteraskan empat pengkhususan iaitu pengangkutan, produk, perabot dan elemen khas, kreativiti ditonjolkan kumpulan bakal graduan Ijazah Reka Bentuk itu antara lain pengukur kejayaan negara dalam melahirkan lebih ramai pereka muda.

Antara mencuri tumpuan adalah Faturi Hamuda Narawi, iaitu pereka dron untuk kegunaan industri pertanian, khususnya dalam mencerap pertumbuhan tanaman dan melakukan siraman baja atau racun rumpai.

Dikawal menerusi aplikasi yang

dimuat turun ke telefon pintar dan dihubungkan menerusi jalur lebar, dron pelbagai guna, 'Agrone' itu berupaya mencerap data tanaman seluas 24 hektar atau beroperasi tanpa henti kira-kira 40 minit.

Faturi yang juga anak jati Kuching, Sarawak berkata, dron menggunakan kuasa bateri itu adalah usaha transformasi pertanian ke arah lebih berkesan, selamat dan mesra alam.

Cerap data tanaman

"Racun rumpai memberi risiko kesihatan kepada petani yang masih menggunakan teknik siraman tradisional, malah penggunaan kuantiti bahan kimia juga berbeza sekiranya menggunakan tenaga manusia.

"Dilengkapi pengimbas 'multispektrum' untuk mencerap data tanaman sebelum diproses, Agrone kemudian akan menentukan kuantiti baja atau rumpai yang diperlukan," katanya kepada BH, semalam.

Berhasrat menabur jasa di negeri kelahirannya, Melaka, Izrin Syamimi Zainol, pula menghasilkan rekaan pedati elektrik tanpa pemandu yang diberi nama 'Matroev' bagi menangani kesesakan trafik, khususnya beberapa kawasan tumpuan pelancong di bandaraya bersejarah itu.

Katanya, rekaan itu selaras hasrat Melaka untuk menguatkuasakan larangan kenderaan awam seperti di sekitar 'Jonker Walk' dan bandar pada masa depan.

"Matroev mempunyai kapasiti empat penumpang dan boleh dikawal menerusi aplikasi di telefon pintar dengan memasukkan destinasi yang ingin dituju.

"Saiz pedati elektrik ini juga akan mengecil untuk menjimatkan ruang parkir apabila berhenti kerana ruang penumpang dan rodanya dilengkapi sistem hidraulik boleh laras," katanya.

Pameran reka cipta 'SEED Showcase 2015' berlangsung selama empat hari, sejak Selasa lalu di Menara MATRADE dirasmikan Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin, semalam.



Faturi menunjukkan model 'Agrone' yang berupaya mencerap data tanaman pada Pameran reka cipta 'SEED Showcase 2015' di Kuala Lumpur, semalam.
[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]